



## FAQ PERMOHONAN Tauliah Baharu

### 1) SIAPAKAH YANG LAYAK UNTUK MEMOHON Tauliah di Wilayah Persekutuan?

- Mana-mana individu sama ada warganegara atau bukan warganegara (Ikhtisas) boleh memohon untuk mendapatkan tauliah di Wilayah Persekutuan
- 

### 2) APAKAH SYARAT PERMOHONAN?

- Seperti yang dinyatakan pada Kaedah-Kaedah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan 22 (1) iaitu:

(1) Seseorang boleh memohon bagi mana-mana kategori tauliah mengajar agama Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 22A jika-

a) Orang itu berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;

b) Orang itu-

(i) Memegang suatu kelayakan dalam pengajian tinggi Islam daripada mana-mana universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

(ii) Memegang suatu kelayakan dalam pengajian Islam daripada mana-mana institusi pendidikan tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

(iii) Mempunyai pengetahuan dalam Hukum Syarak; atau

c) Mempunyai persoanliti Islam

(2) Bagi maksud subperenggan (b)(iii), seseorang yang mempunyai pengetahuan dalam Hukum Syarak ialah seseorang yang memperoleh pengetahuan untuk mengajar agama Islam daripada mana-mana institusi pendidikan selain subperenggan (b)(i) dan (ii).

### 3) APAKAH DOKUMEN YANG DIPERLUKAN KETIKA PROSES PERMOHONAN?

| JENIS DOKUMEN  | WARGANEGARA | BUKAN WARGANEGARA |
|--|-------------|-------------------|
| Gambar berukuran passport  | ✓           | ✓                 |
| Salinan Pengenalan diri (IC/Passport) yang telah disahkan                              | ✓           | ✓                 |
| Salinan Sijil Akademik / Kemahiran/ Talaqqi & seumpamanya yang disahkan                | ✓           | ✓                 |
| Salinan Tauliah Negeri Lain (Sekiranya ada)  | ✓           | ✓                 |
| Salinan Surat Lantikan Tenaga Pengajar daripada Majikan yang telah disahkan            |             | ✓                 |
| Salinan Surat Tempat Mengajar berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan |             | ✓                 |

### 4) APAKAH KATEGORI YANG BOLEH DIPILIH?

- Permohonan tauliah boleh dikategorikan kepada :
  1. Tauliah Mengajar Umum
  2. Tauliah Mengajar Berkitab
  3. Tauliah Mengajar Al-Quran
  4. Tauliah Mengajar Bidang Khusus)
- Dalam kategori bidang khusus terdapat **15 kategori** yang lain iaitu:
  - i- Faraid, Wasiat dan Hiba
  - ii- Muamalat
  - iii- Munakahat
  - iv- Fiqh Ibadah
  - v- Pengurusan Jenazah
  - vi- Pengurusan Haji dan Umrah
  - vii- Fiqh Kontemporari
  - viii- Falak Syarie
  - ix- Akidah dan Falsafah

- x- Tasawuf
- xi- Ideologi dan Doktrin Palsu
- xii- Kefatwaan
- xiii- Undang-Undang Jenayah Syariah
- xiv- Sejarah dan Ketamadunan Islam
- xv- Hadis

**5) BERPAKAH KATEGORI YANG BOLEH DIMOHON PADA SATU-SATU MASA?**

- Pemohon hanya boleh memohon **2 kategori dalam satu-satu** masa (Juga termasuk dari kategori bidang Khusus)

**6) SEKIRANYA PEMOHON INGIN MEMOHON LEBIH DARIPADA 2 KATEGORI?**

- Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon hanya 2 kategori sahaja pada satu-satu masa, dan sekiranya dimohon melebihi daripada jumlah yang dibenarkan maka kategori tersebut akan dinilai dan ditentukan semula oleh Panel Penemuduga atau Ahli Jawatankuasa Tauliah mengikut kepada kelayakan pemohon

**7) ADAKAH ADA PEMBAYARAN? SEKIRANYA ADA BERPAKAH JUMLAHNYA?**

- Ya, terdapat bayaran dikenakan berdasarkan kepada kaedah 3, Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah -Wilayah Persekutuan)(Tauliah Mengajar Agama Islam)(Pindaan) 2021.
- Kadar bayaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

| <b>KATEGORI TAULIAH</b>             | <b>TEMPOH</b>     | <b>WARGA -NEGARA (RM)</b> | <b>BUKAN WARGA -NEGARA (RM)</b> |
|-------------------------------------|-------------------|---------------------------|---------------------------------|
| Tauliah Mengajar Agama Islam        | 1 Tahun           | 30                        | 50                              |
|                                     | 3 Tahun           | 50                        | Tiada                           |
|                                     | 5 Tahun           | 80                        |                                 |
| Tauliah Mengajar Agama Islam (KHAS) | Setiap Permohonan | 100                       | 200                             |

|                                     |         |    |       |
|-------------------------------------|---------|----|-------|
| Pembaharuan<br>/Lanjutan<br>Tauliah | 1 Tahun | 30 | 50    |
|                                     | 3 Tahun | 50 | Tiada |
|                                     | 5 Tahun | 80 |       |

#### **8) ADAKAH KELAS PENGAJIAN DAN LATIHAN YANG BOLEH SAYA IKUTI?**

- Setiap pemohon tauliah yang Baharu yang telah lulus sesi temuduga dan tapisan keselamatan akan dipanggil untuk menghadiri Sesi Muzakarah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti W.P sebelum tauliah dikeluarkan
- Terdapat juga sesi Latihan yang perlu dihadiri oleh para pemohon tauliah yang Baharu berdasarkan laporan temuduga yang dikeluarkan oleh Panel Penemuduga

#### **9) BILAKAH PEMBAYARAN TAULIAH PERLU DILAKUKAN?**

- Pembayaran perlu dilakukan apabila pemohon telah lulus sesi temuduga dan tapisan keselamatan oleh Ahli Jawatankuasa Tauliah W.P.
- Pembayaran boleh dijelaskan melalui link atau QR yang telah disediakan pada sistem e-auliah dan pemohon perlu memuatnaik resit pembayaran sebagai bukti pembayaran untuk semakan pihak urusetia
- Selepas selesai pembayaran, pemohon akan dimaklumkan untuk menghadiri sesi muzakarah.

#### **10)SEKIRANYA SAYA TIDAK DAPAT MENGHADIRI SESI MUZAKARAH? ADAKAH TERDAPAT KELONGGARAN SUPAYA SAYA TIDAK PERLU MENGHADIRI SESI MUZAKARAH?**

- Berdasarkan persetujuan daripada Ahli Jawatankuasa Pengawasan dan juga dinyatakan dalam Kaedah Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pemohon perlu menghadiri sesi muzakarah sebelum tauliah dapat dikeluarkan kepada pemohon. Sekiranya pemohon tidak dapat

menghadiri sesi muzakarah yang telah ditetapkan, maka pemohon perlu menghadiri sesi muzakarah pada sesi yang seterusnya.

**11)ADAKAH SYARAT YANG PERLU DIPATUHI OLEH PARA PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN?**

- Ya, setiap pemegang Tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
  - a) Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
  - b) Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Raja sebagai Ketua Agama Islam sesuatu Negeri;
  - c) Tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
  - d) Tidak menyentuh isu parti politik;
  - e) Tidak menyentuh secara langsung hal-hal peribadi mana-mana individu;
  - f) Tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama;
  - g) Mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan
  - h) Tidak bertinak atau berkelakuan dalam apa-apa cara yang boleh mencemarkan agama Islam